

## Dr. Mahathir, isteri kunjungi Pusat Kebudayaan Islam

UM 29 NOV 2013  
ROM 28 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dijemput untuk berucap pada Syarahan Peringatan McDougall, tiba di sini awal pagi ini bersama Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Fumicino disambut oleh Duta Malaysia ke Itali, Datuk Lily Zachariah.

Sempena kunjungan dua hari ke Itali, yang pertama selepas lawatan pada penghujung tahun 2001, Dr. Mahathir mengunjungi Pusat Kebudayaan Islam di sini dan beliau disambut oleh Setiausaha Agungnya, Dr. Abdellah Redouen.

Dr. Mahathir kemudian menunaikan sembahyang Jumaat di situ.

Pada petang, beliau menerima kunjungan Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Jacques Diouf di hotel penginapannya.

Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah menghadiri majlis makan malam anjuran Kedutaan Malaysia.

Esok, Dr. Mahathir akan menyampaikan ucapan sempena sesi pembukaan Sidang ke-32 FAO. — *Utusan*